

10 MAY 2003

MIC-Coretan

MIC SAMPAIKAN PENGHORMATAN KEPADA PM MELALUI VCD

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Agung Ke 57 MIC hari ini menyampaikan penghormatannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui persembahan VCD di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Persembahan VCD itu menunjukkan Dr Mahathir daripada zaman awalnya hingga ke hari ini, meliputi kerjaya politik dan kehidupan peribadi beliau.

VCD selama 10 minit itu yang diterbitkan oleh MIC juga menyentuh hubungan Dr Mahathir dengan masyarakat India sejak beliau mula memegang tampuk pemerintahan 22 tahun lepas.

Sementara itu, timbul sedikit masalah semasa pengundian bagi memilih 23 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat MIC yang bermula pada tengah hari. Buat pertama kali parti itu menggunakan sistem pengundian elektronik yang boleh mengeluarkan keputusan dalam tempoh 30 minit selepas pengundian tamat.

Bagaimanapun kekurangan peralatan dan masa yang lama diambil oleh setiap perwakilan untuk mengundi di lapan mesin yang disediakan menyebabkan keadaan agak kucar-kacir.

Seramai 1,497 perwakilan mula mengundi pada 1.20 petang tetapi selepas dua jam baru 300 sahaja perwakilan yang telah mengundi dengan ada antara mereka mengambil masa hingga empat minit untuk mengundi.

Memandangkan keadaan itu Presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu mencadangkan pemilihan dikendalikan secara manual dan cadangan itu diterima sebul suara oleh perwakilan dan 33 calon yang bertanding.

"Jika kita meneruskan seperti ini kita mungkin terpaksa menunggu sehingga pukul 10 malam sebelum pengundian tamat dan hingga tengah malam sebelum menerima keputusan. Oleh itu perwakilan dari Perak dan Selangor akan mengundi menggunakan sistem elektronik itu sementara yang lain melalui kertas undi.

Sebelum itu pengerusi tetap perhimpunan Tan Sri G. Vadivello bertungkus lumus memberi arahan kepada perwakilan mengenai apa yang perlu dibuat semasa menggunakan sistem itu, yang dipasang oleh pakar-pakar IT dari Bangalore, India.

Keputusan pemilihan yang sepatutnya diketahui seawal pukul 4.30 petang kini dijangka diketahui pada pukul 8 malam.

Parti itu juga menyatakan penghargaan kepada tiga warga Malaysia dari masyarakat India kerana pencapaian cemerlang dalam sukan. S.Premila, seorang peserta Karate yang mewakili negara menerima RM15,000 dan satu pingat emas daripada parti itu kerana pencapaiannya.

Turut menerima penghormatan ialah R. Puvaneswaran, yang kini merupakan jurulatih Karate yang menerima RM10,000 dan satu pingat emas serta M. Sri Rajarajeswari, juga seorang jurulatih Karate, yang menerima RM5,000 dan satu pingat emas.

Kesemua tiga atlet menerima cenderamata masing-masing daripada presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

-- BERNAMA

SR PR